Kesinambungan membawa maksud meneruskan apa-apa yang telah diciptakan sebelumnya, dan mengaplikasikannya secara fungsional di masa suatu seni itu hidup. Gerschenkron, A. (1962, ms. 195) berpendapat bahawa kesinambungan sejarah boleh membawa dua maksud, (1) kestabilan elemen dalam mengharungi perubahan dan (2) kestabilan perkara yang pada dasarnya memang wujud pada manusia. Kesinambungan dan perubahan budaya membawa maksud suatu perubahan akan terjadi ketika tradisi baru yang datang mempunyai kekuatan dan daya dorong yang besar berbanding tradisi yang telah ada dan mapan sebelumnya. Leuthold, S (2011, ms. 148) menyatakan bahawa kesinambungan bermakna mengulang kembali apa-apa motif, *pattern* atau gaya yang dapat membantu sesebuah budaya itu dikenali. Perubahan yang ada tidak akan serta merta terputus dengan tradisi lama. Masih ada kesinambungan yang berlanjutan walaupun telah muncul paradigm baru. Meyer (1999) mengatakan bahawa perubahan gaya yang berlaku dalam sesebuah budaya biasanya berlaku secara langsung yang merangkumi perubahan sosial, politik, ekonomi serta perubahan teknologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Muhammad Takari (2008) dalam kenyataan sejarah, kesinambungan dan perubahan dalam seni persembahan Melayu bermula dari era-era pra-Islam, Islam, Barat dan masa kemerdekaan. Era pra-Islam dimulai dari sejak adanya nenek moyang masyarakat Melayu di kawasan ini hingga kurun abad pertama Masehi. Kemudian masuklah kebudayaan Hindu dan Budha dalam kebudayaan etnik Melayu. Kesan daripada penerimaan pengaruh dan budaya luar serta pencampuran budaya, kepercayaan dan sebagainya pastilah akan mengalami kesinambungan dan disertai dengan perubahan. Tan Sooi Beng (1997, ms. 9) mengatakan dengan adanya pembangunan bandar dan kemunculan masyarakat majmuk, satu budaya baharu muncul dan merubah budaya hidup masyarakat di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, perubahan dalam tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal ini selari dengan pandangan ilmuan daripada Barat dalam mengkaji pendekatan tentang perubahan muzik ini. Blacking, (1995, ms. 150) mengatakan pengajian mengenai perubahan muzik dilihat dari inovasi yang terdapat dalam bunyi muzik tersebut, tapi inovasi bunyi muzik tersebut tidak semestinya menjadi bukti perubahan dalam muzik. Kesinambungan dan perubahan dalam kajian ini hanya akan menumpukan terhadap kesinambungan dan perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal dalam batas tahun di antara 1975 hingga 1999.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.7.2 Tradisi Muzik

Tradisi merupakan hasil cipta dan karya manusia bersifat material, kepercayaan adat-istiadat, kesenian, khayalan, kejadian, atau lembaga yang diwariskan dari sesuatu generasi ke generasi berikutnya. Menurut Hose (2012), muzik adalah gabungan muzik dan seni kata. Muzik adalah satu sistem yang terdiri daripada banyak subsistem yang bekerjasama bagi mewujudkan suatu keseluruhan muzik. Cook (1987, ms. 1) menyatakan mengkaji muzik merupakan kunci untuk memahami kehidupan semula jadi manusia yang mengandungi keindahan-keindahan tersendiri. Muzik adalah suatu fenomena universal yang merupakan sebahagian daripada kehidupan manusia dan dapat pula menentukan identiti sesebuah masyarakat. Tradisi muzik dalam kajian ini difokuskan kepada sejarah, kesinambungan dan perubahan tradisi muzik bagi kumpulan gambus Nurulhilal melalui pendekatan *The norms of musical style* (Hood, 1971).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.3 Kumpulan Gambus Nurulhilal

Penggunaan kata kumpulan gambus bukan bermaksud sekumpulan orang yang bermain gambus, tetapi merujuk kepada sekumpulan pemuzik yang bermain muzik bersama-sama dan diketuai oleh seorang pemain gambus. Dengan kata lain, kumpulan gambus bermaksud sebuah kumpulan muzik yang menggunakan alat muzik gambus sebagai alat utama dalam mengadakan persembahan. Dalam tradisi persembahan muzik kumpulan gambus, alat muzik gambus ini dibantu oleh beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


buah alat muzik yang lain seperti akordion, violin, kiuben, bongo, tamborin, marakas serta marwas (Mohd Nizam Attan, 2013). Kumpulan gambus juga mempunyai penyanyi, pada kebiasaannya penyanyi utama dalam kumpulan gambus adalah pemain gambus itu sendiri. Selain itu, terdapat juga penyanyi-penyanyi lain yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Artikel Gambus Samrah (1999, ms. 3) menghuraikan peranan tokoh-tokoh muzik gambus yang bertanggungjawab memperkenal dan mengembangkan seni muzik gambus di Singapura pada sekitar tahun 1920an yang kemudiannya memperkembangkan tradisi gambus di Johor.

Terdapat tiga klasifikasi alat yang digunakan dalam kumpulan gambus, iaitu alat kordofon, alat membranofon dan alat idiofon. Gambus, diklasifikasikan sebagai alat kordofon kerana menggunakan tali yang diregang di atas resonator. Alat muzik violin, juga merupakan alat muzik dalam klasifikasi kordofon kerana menggunakan tali yang direggang. Alat muzik tamborin dan marakas diklasifikasikan sebagai alat muzik dalam klasifikasi idiofon. Alat muzik bongo dan kiuben serta marwas diklasifikasikan sebagai alat muzik membranofon. Walau bagaimanapun, sistem klasifikasi oleh Sachs dan von Hornbostel menjurus kepada prinsip akustik sedangkan alat-alat muzik yang dipukul (palu) dikategorikan berasaskan cara alat itu dimainkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumpulan gambus Nurulhilal secara tradisinya membawa gaya persembahan lagu-lagu gambus. Lagu-lagu gambus merujuk kepada lagu-lagu ciptaan komposer tempatan dan lagu-lagu saduran dari filem Mesir sekitar tahun 1940an dan 1950an. Mohd Nizam Attan (2014) menyatakan bahawa kumpulan gambus Nurulhilal telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menjadi salah satu sumber hiburan yang menjadi pilihan di kawasan pekan Rengit, Senggarang, Benut dan kawasan-kawasan berhampiran yang lain pada sekitar pertengahan tahun 1970an sehingga penghujung tahun 1990an.

## 1.8 Landasan Teori

Crossman Ashley (2018) menerangkan bahawa kajian mengenai difusi budaya telah dipelopori oleh ahli antropologi yang berusaha memahami bagaimana unsur-unsur kebudayaan yang sama atau serupa dapat hadir di banyak masyarakat di seluruh dunia jauh sebelum kedatangan peralatan komunikasi. Edward Tylor (1832-1917), ahli antropologi Inggeris menimbulkan teori difusi budaya sebagai alternatif untuk menggunakan teori evolusi budaya untuk menerangkan persamaan budaya. Menurut Tylor, ahli antropologi Jerman-Amerika, Franz Boas (1858-1942) mengembangkan teori difusi budaya untuk menjelaskan bagaimana proses itu berfungsi di antara kawasan yang berdekatan satu sama lain, secara geografi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesenian adalah produk yang tidak pernah lepas dari masyarakat dengan segala aktiviti budaya yang mencakup, mencipta, memberi peluang untuk bergerak, memelihara, menularkan, dan mengembangkan dan kemudian mencipta kebudayaan baru. Muzik tumbuh dalam sesuatu budaya, dimana bunyi muzik itu sendiri dibentuk oleh budaya kawasan tersebut. Farnsworth (1958, ms. 17) mengatakan sepertimana yang ditulis oleh Merriam (1964, ms. 27):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> Music is made of socially accepted patterns of sounds. What is held in common in these two definitions, and what is of particular importance to the social scientist, is that the sounds of music are shaped by the culture of which they are part.

Kenyataan ini memberi gambaran bahawa walaupun bentuk kesenian yang meresap ke dalam sesuatu budaya itu diterima oleh masyarakat setempat, namun seni itu terbentuk dalam acuan budaya setempat. Ini selari dengan teori difusi bahawa penyebaran budaya berlaku apabila masyarakat yang mempunyai cara hidup yang berbeza datang bersentuhan antara satu sama lain dan ketika lebih banyak berinteraksi, tingkat difusi budaya antara mereka bertambah. Kajian ini memberi fokus kepada tradisi muzik kumpulan gambus merupakan budaya pinjaman dari luar khususnya dari negara Timur Tengah seperti yang dinyatakan pada awal penulisan.

### 1.8.1 *The Norms of Musical Style*

Kajian etnomuzikologi perlu melakukan perbandingan dan kajian merentas budaya dari masa ke semasa. Fokus kajian ini memperlihatkan sejauh mana muzik itu mempengaruhi budaya dan manusia ataupun bagaimana budaya itu mempengaruhi sesuatu sistem muzik. Berdasarkan penyelidikan dan penilaian awal terhadap tradisi muzik kumpulan gambus, pengkaji cenderung menggunakan pendekatan Bruno Nettl (1983) yang mencadangkan bahawa para etnomuzikologi perlu dan wajar mempelajari keseluruhan sistem muzik yang terdapat dalam bidang muzik yang hendak dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sistem muzik yang dicadangkan oleh Nettl itu mestilah yang diterima oleh keseluruhan masyarakat di tempat kajian bagi tujuan pemahaman yang lebih jelas (Bruno Nettl, 1983, ms. 9). Fokus penelitian juga perlu diberikan terhadap keaslian budaya di kawasan kajian. Kenyataan Mantle Hood (1982) mengukuhkan lagi pandangan oleh Nettl yang mengatakan bahawa:

> The subject of study in the field of ethnomusicology is music. Essentially different but interdependent approach to the subject might well include related studies in history, ethnography, folklore, literature, dance, religious, theater, archeology, etymology, iconography, and other fields concerned with cultural expressions.
>
> (Mantle Hood, 1982, ms. 3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memberi fokus terhadap sistem muzik yang telah digunapakai oleh kumpulan gambus Nurulhilal sejak penubuhannya pada 1975 dan perubahan-perubahan yang telah berlaku sehingga ke tahun 1999. Kajian ini merumuskan tentang bagaimana bentuk muzik ini berfungsi sebagai indikator atau simbol muzikal bagi sesebuah budaya masyarakat setempat. Pengkaji menggunapakai pendekatan (Mantle Hood, 1971, ms. 303) yang menggariskan cadangan pengkajian terhadap etnomuzikologi adalah yang berasaskan kepada norma gaya muzik (*The Norms of Musical Style*- Rajah 1.1) yang melibatkan penelitian terhadap perkara- perkara berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 1.8.1.1 *The tradition* (tradisi)

Dalam konteks kajian ini menbincangkan bentuk tradisi muzik gambus, khususnya kumpulan gambus Nurulhilal di negeri Johor. Perbincangan terhadap kesinambungan dan perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal akan menjawab objektif dan permasalahan kajian. Analisis yang menggunakan pendekatan ini akan dijelaskan dalam bab ke dua, ketiga, keempat, kelima dan ke enam. Tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal akan diterangkan dengan memberikan contoh tradisi muzik sebelum dan selepas perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 1.8.1.2 *Style / period* (gaya/zaman)

Dalam konteks kajian ini membincangkan aspek sejarah gambus dan perkembangannya dalam kumpulan gambus serta peranannya dalam ensembel-ensembel lain di negeri Johor. Kajian ini memberi fokus terhadap gaya muzik yang dipraktikkan dalam kumpulan gambus Nurulhilal dari Rengit, Batu Pahat, Johor dengan mengambilkira *period* (zaman) dari bermulanya penubuhan kumpulan ini pada 1975 sehingga kepada tahun di mana kumpulan ini tidak lagi aktif iaitu pada tahun 1999. Penjelasan bagi pendekatan ini akan dinyatakan dalam bab dua, tiga, lima dan enam penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 1.8.1.3 *Genre* (jenis karya)

Dalam konteks kajian ini menjelaskan penggunaan jenis karya dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal sama ada karya asal ciptaan mahu pun karya hasil saduran dan juga karya pilihan dari pengaruh luar yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Di sini juga akan diperlihatkan kesinambungan dan perubahan yang berlaku dalam tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal dari tahun 1975 hingga tahun 1999. Penjelasan mengenai genre akan dinyatakan dalam bab ke lima dan ke enam penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 1.8.1.4 *The piece* (lagu-lagu)

Dalam konteks kajian ini melihat identiti lagu-lagu gambus yang menjadi repertoir utama dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal di Johor dari tahun 1975 hingga tahun 1999. Kajian juga akan menganalisis lirik-lirik dan penerangan mengenai perubahan dalam gaya muzik merentasi masa yang akan dijelaskan dalam bab kelima dan keenam penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 1.8.1.5 *The performer* (penggiat)

Dalam konteks kajian ini, menjelaskan peranan penggiat gambus yang bertanggungjawab membawa masuk gambus, tokoh pembuat gambus di kawasan kajian dan kumpulan-kumpulan gambus yang tumbuh hasil dari kehadiran penggiat gambus tersebut. Kajian menjelaskan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli muzik yang terlibat dalam kumpulan gambus Nurulhilal bermula dari pemimpin kumpulan, penyanyi dan ahli-ahli muzik. Analisis ini akan dirangkumkan dalam bab tiga dan empat penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 1.8.1.6 *Tonal stuff* (sistem tonal)

Sistem tonal dalam konteks kajian ini menjelaskan penggunaan *tuning system* (sistem talaan) bagi kumpulan gambus Nurulhilal terutamanya alat muzik gambus. Penjelasan mengenai sistem tonal yang merangkumi penggunaan maqam, penjarian akan dianalisis. Penggunaan maqam Arab yang kerap digunakan dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal akan dijelaskan. Cara pembuatan gambus juga dijelaskan dalam penulisan ini bagi memberi gambaran jelas dari sudut organologi alat muzik gambus. Kesemua ini akan dijelaskan dalam bab empat, lima dan enam penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.8.1.7 *Ensemble* (ensembel)

Penerangan mengenai peranan gambus dalam ensembel yang menggunakan gambus akan diterangkan dalam bab dua dan tiga. Dalam konteks kajian ini, elemen ensembel merujuk terus kepada kumpulan gambus Nurulhilal yang membincangkan susun atur persembahan, kedudukan pemuzik, ruang persembahan, tempahan persembahan, kadar bayaran, latihan-latihan, dan penggunaan peralatan tambahan.

### 1.8.1.8 *Formatives* (formatif)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini membuat observasi terhadap format persembahan yang merujuk kepada *form* lagu, rentak lagu-lagu, lirik dan komposer dalam kumpulan gambus Nurulhilal. Selain itu, dinyatakan juga tentang pengekalan bentuk persembahan asal dan perubahan yang berlaku akibat dari perubahan masa. Penjelasan mengenai f*ormatives* akan diberikan dalam bab lima dan enam penulisan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi





*Rajah 1.1. The norms of musical style*. Diadaptasi dari Hood. M, 1971

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian awal yang diperolehi daripada sumber bacaan dan rakaman terdahulu, unsur-unsur difusi ini amat jelas terdapat dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal yang telah meletakkan karakter muzik gambus dalam dimensi yang baru iaitu mempunyai nilai-nilai sinkretik. Antara yang dapat dilihat ialah dalam memenuhi kehendak atau permintaan penonton dalam satu-satu persembahan. Kenyataan ini dibuat oleh Coplan (1978, ms. 97) berdasarkan penulisan ilmiah, seperti berikut:

> A syncretic form in that it modifies and integrates both western and indigenous musical elements into an organis, qualitatively new style that retains expressive continuity with the traditional music system. As a syncretic, expressive sub-system highlife transmits influences and values into a rapidly emerging urban socio-cultural system.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian mengenai perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal lebih tertumpu kepada faktor yang menyebabkan perubahan ini berlaku yang melibatkan pengaruh muzik dari luar, penghijrahan pemain-pemain gambus ke daerah lain, pengaruh perkembangan media elektronik dan budaya popular seperti televisyen dan radio, perubahan iklim muzik dunia dan perubahan terhadap penerimaan muzik gambus itu sendiri oleh masyarakat. Kesemua faktor ini akan dibincangkan dalam bab enam penulisan yang menjurus kepada sebab-sebab perubahan yang berlaku pada tradisi muzik dalam kumpulan gambus Nurulhilal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.8.2 Intra-estetik dan Ekstra-estetik

Dua pendekatan dalam penilaian karya seni iaitu pendekatan intra-estetik dan pendekatan ekstra-estetik. Pendekatan intra-estetik iaitu faktor yang memandang nilai estetik atau keindahan yang terkandung dalam bentuk fizikal karya seni yang mengandungi bentuk, struktur dan yang berkaitan dengan kriteria yang ditetapkan secara universal oleh para ahli seni. Sementara pendekatan ekstra-estetik pula terkandung dalam kesinambungan dan perubahan yang berlaku hasil pengaruh dari unsur luar yang menyerap ke dalam sesebuah masyarakat. Pengkaji menggunakan kedua-dua pendekatan intra-estetik dan ekstra-estetik dalam penilaian dan penganalisaan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Deci dan Ryan (2000, ms. 70) mengatakan bahawa nilai intra-estetik adalah bentuk corak tingkah laku sebenar yang mencerminkan perasaan seseorang dan bukannya satu tingkah laku yang telah dirancang atau diatur bagi tujuan kesepakatan. Digelidis, Boyatzi, Chatzigeorgiadis dan Papaioannou (2006, ms. 63) bersetuju bahawa ketinggian tahap nilai intra-estetik seseorang adalah bergantung dengan kekuatan perasaan seseorang dalam menentukan keputusan mereka sendiri. Kajian telah menjelaskan bahawa penerimaan masyarakat kepada bentuk tradisi muzik yang sesuai dengan keadaan masyarakat di kawasan kajian serta lagu-lagu yang amat dekat dengan ciri-ciri masyarakat membuatkan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal dapat diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian dari sudut intra-estetik menerangkan mengenai proses pembuatan alat muzik gambus, bahan-bahan yang digunakan dan dekorasi alat. Selain itu, aspek penting yang perlu dijelaskan dalam kajian adalah mengenai organologi gambus yang merangkumi struktur alat, warna bunyi (*timbre*), sistem talaan tali, penjarian, tangganada, maqamat, tekstur muzik dan jarak jeda (*musical range*) alat muzik tersebut ketika digunakan dalam persembahan khususnya bagi kumpulan gambus. Oleh itu, kajian ini juga menerangkan mengenai teknik pembuatan gambus secara terperinci, sama ada seorang pembuat, atau pun beberapa orang pembuat untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh mengenai alat muzik gambus dari aspek seperti yang dinyatakan di atas. Penerangan mengenai pembuatan gambus ini penting sebagai merujuk kepada gambus sebagai alat utama dalam persembahan kumpulan gambus Nurulhilal. Penggunaan gambus buatan tempatan dalam setiap persembahan kumpulan gambus Nurulhilal dan kumpulan-kumpulan gambus yang lain secara tidak langsung mengangkat industri pembuatan gambus tempatan.

Bermula dari zaman sebelum tahun penubuhannya, sehingga kepada zaman tidak lagi aktif, huraian terhadap tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal seperti disarankan oleh Nettl (1983, ms. 9) disampaikan merangkumi aspek-aspek gaya, pemuzik, repertoir, peralatan muzik, susunatur persembahan, tradisi persembahan dan berbagai aspek lagi yang merujuk kepada '*the norms of musical style*' (Hood, 1971). Huraian dan penjelasan ini diharap dapat memberi gambaran terhadap tradisi muzik sesebuah kumpulan gambus dan amat diperlukan oleh pengkaji seterusnya untuk mengupas bentuk kesenian ini dari sudut yang berbeza.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 1.8.2.1 *Rasa* dan *Tarab*

Nilai intra-estetik dalam bidang muzik agak sukar untuk dilihat namun nilai ini ada. Nilai intra-estetik bagi seorang pemuzik adalah kepuasan diri mereka dalam bermain alat muzik (self-gratifying). Lavezzoli (2007, ms. 23) mengatakan dalam muzik India terdapat elemen *rasa* yang menggambarkan kepuasaan perasaan atau kesan rasa yang dialami hasil dari menghayati sesebuah persembahan. Sementara itu Benamou (2010, ms. 56) pula mengatakan tentang konsep *rasa* boleh diinterpretasikan sebagai kata nama atau pun perbuatan yang menggambarkan sesuatu untuk dirasai, difahami dan dinikmati. Dalam muzik Arab pula elemen ini dikenali sebagai *tarab* seperti yang dinyatakan oleh Shanon (2003);

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> As one Aleppine vocalist put it, “Tarab is the feeling you get when you listen to music, and it just makes you want to say aah!” There is a sense that listeners cannot help themselves—they are moved to shout, sigh, and wave their arms about. Indeed, tarab-style musical performances are often accompanied by a running commentary of shouts, exclamations, sighs, and gestures that are thought to express emotional states aroused in listeners by performers, who read these expressions as encouragement to continue a masterful performance. Shannon, Jonathan H. (2003, ms. 74)

Dalam muzik kumpulan gambus juga, elemen *rasa* dan *tarab* juga ada dan menjadi elemen penting dalam setiap persembahan. Secara umumnya, nilai intra-estetik dalam bidang muzik memberikan manfaat berbentuk emosi dan psikologi seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perasaan emosi yang mendalam. Seorang pemuzik akan berasakan bahawa muzik yang mereka dengar atau mainkan memberikan makna peribadi kepada diri mereka sendiri. Hal ini kerana mereka secara semula jadi bertindak menghayati muzik yang dimainkan. Skinner (1953, ms. 59) turut menyebut menerusi Teori Operan bahawa semua tingkah laku adalah terdorong bagi mendapatkan sesuatu ganjaran namun terdapat tingkah laku yang berlaku secara semula jadi kerana ganjaran itu terhasil daripada tingkah laku yang berlaku secara semula jadi itu. Sehubungan dengan itu, nilai motivasi intra-estetik adalah konsep objek tertentu yang tidak terpengaruh dan bebas daripada faktor-faktor luaran.

## 1.9 Metodologi Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metodologi penyelidikan secara kerja lapangan atau *field work* bertujuan memberi gambaran yang terperinci mengenai sesebuah budaya serta memahami budaya tersebut dari sudut persepsi anggota masyarakat yang diselidiki. Kajian lapangan atau etnografi dapat menghasilkan banyak deskripsi fenomena budaya. Kerja lapangan merupakan tunggak penyelidikan budaya seperti yang disarankan oleh para etnomuzikologi seperti Spradley (1980), Mead (1970), sekadar memberikan beberapa nama seperti yang dinyatakan oleh Hashim Awang A.R (1996, ms. 29).

Penyelidikan secara kualitatif juga turut menggunakan kaedah dalam bentuk kajian lapangan untuk mendapatkan data mengenai tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal yang merangkumi aspek perkembangan kumpulan gambus, kegunaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


fungsi kumpulan gambus dalam masyarakat di negeri Johor. Ratna (2007, ms 46-47) menyatakan metodologi kualitatif memberi perhatian dan tumpuan terhadap data alamiah dalam konteks keberadaannya. Penyelidikan juga menjurus kepada kajian mengenai peralatan muzik yang digunakan dalam kumpulan gambus, penjarian dalam tangganada dan maqam yang digunakan, gaya nyanyian, analisis lirik, ukuran pic, proses penggabungan muzik dan pengaruh luar.

Terdapat pelbagai metodologi untuk mengkaji muzik, namun terdapat dua cara yang sangat konsisten digunakan oleh pengkaji iaitu dengan, (1) mengambil asas budaya sesuatu bangsa seperti acara-acara muzik, latihan-latihan muzik, pakar-pakar yang terlibat dalam muzik, dan (2) mengkaji organisasi yang mendukung sesuatu muzik. Dari aspek pengkajian secara teknikal, penelitian pada kebiasaannya menjurus kepada sistem-sistem yang digunakan dalam muzik tersebut seperti bentuk muzik, struktur, ritma, melodi dan tekstur. Kajian yang dilakukan mengenai perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian terhadap sumber manuskrip, buku-buku lagu, seni kata lagu, piring hitam, pita kaset yang masih disimpan oleh sebahagian ahli kumpulan gambus Nurulhilal, bahan-bahan perpustakaan malahan daripada sumber data primer kajian lapangan.

Bahan-bahan penulisan dan perpustakaan atau disebut *armchair research* banyak digunakan oleh ahli etnomuzikologi dalam kajiannya. Helen Myers (1992) menyatakan bahawa *armchair research* adalah pengumpulan data dari arkib dan perpustakaan. Kaedah ini adalah sama penting dengan kajian lapangan kerana saling lengkap melengkapi mengikut padangan daripada pengkaji Helen Myers, (1992, ms.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


22). Oleh itu, pengkaji telah mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan daripada Yayasan Warisan Negeri Johor, Arkib Negara, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan UPSI, Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Taman Warisan Melayu Singapura, SG Oudist, Pertubuhan Gambus Malaysia dan Perpustakaan Negeri Johor.

Kajian lapangan dan proses pendokumentasian melalui informan amat diperlukan dalam membuat kajian mengenai bentuk muzik sinkretik ini. Kaedah secara partisipatif telah dilakukan untuk mendapatkan data-data yang sahih. Dalam kajian ini, pengkaji telah menemubual beberapa ahli kumpulan gambus Nurulhilal yang masih ada, menilai kembali bukti yang disimpan oleh informan seperti kaset rakaman muzik kumpulan gambus Nurulhilal, gambar-gambar ketika mereka membuat persembahan selain dari merakam aktiviti dalam permainan dan persembahan muzik gambus kumpulan tersebut. Pemerhatian dan penyelidikan terhadap bentuk muzik gambus ini adalah sebagai *passive observer*, *active observer* dan *participant observer*.

Melalui *passive observer*, pengkaji telah memerhati tradisi persembahan muzik gambus ini. Kedua, menerusi *active observer*, dimana pengkaji bukan sekadar memerhati tetapi telah melakukan temubual secara langsung tentang pemerhatian yang berlaku pada setiap aktiviti yang dilihat. Penelitian secara *participant observer* pula, pengkaji telah mengambil bahagian untuk meneliti perubahan yang berlaku dalam muzik ini. Sebagai contoh, peranan alat muzik utama iaitu gambus dari sudut teknikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


permainan, maqam yang digunakan dan keseluruhan tradisi persembahan kumpulan tersebut.

Selain itu, pengkaji itu perlulah bertindak sebagai *passive observer* kerana pengkaji dapat memerhati dan mendokumentasikan keseluruhan tradisi persembahan secara spontan. Disamping itu, orang yang terlibat dalam kajian itu tidak menyedari yang mereka sedang dinilai. Hal ini dapat mengelakkan dari perlakuan yang dibuat-buat yang bersifat semulajadi. Mengikut *active observer* pula, pengkaji perlulah memperkenalkan diri kepada masyarakat yang terlibat dalam subjek yang ingin dikaji. Hal ini penting bagi mendapatkan persetujuan mereka sebelum apa-apa rakaman atau temu bual dijalankan untuk tujuan dokumentasi. Rakaman atau dokumentasi visual perlulah disertai dengan situasi persembahan yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.1 Konsep *Bi-musicality*

Konsep *bi-musicality* seperti yang pernah disebut oleh Mantle Hood (1960, ms 55-59) yang mengatakan bahawa untuk mencapai *bi-musicality* yang sebenar dalam teknik vokal di antara dua bentuk muzik, seseorang itu perlu mempelajari keseluruhan bentuk muzik kedua-duanya yang mengandungi *pic*, *timbre*, *time* dan kekuatan bunyi yang merujuk kepada nilai estetik budaya muzik tersebut. Hood juga menambah bahawa kajian etnomuzikologi adalah kajian muzik di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pendekatan *bi-musicality* membolehkan para pengkaji, dalam beberapa cara, belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


tentang muzik dari dalam, dan dengan itu mengalami cabaran teknikal, konseptual dan estetik. Seseorang itu juga dapat berhubung rapat dengan masyarakat di tempat kajian.

Dalam hal ini, pengkaji memang berada dalam masyarakat yang sama dengan subjek kajian. Pengkaji juga telah belajar untuk memainkan lagu-lagu kumpulan gambus dan pernah bersama-sama membuat persembahan bersama kumpulan gambus Nurulhilal. Walaupun subjek kajian berada dalam kawasan yang sama dengan tempat tinggal pengkaji, tetapi pengkaji akan berpegang kepada prinsip bukan melakukan interpretasi awal untuk setiap kajian yang dijalankan. Hal ini berkait rapat dengan merujuk kepada kenyataan oleh Blum (1993) dan Nettl (1983) yang menyatakan bahawa bahaya jika seseorang pengkaji itu membuat kajian dalam kalangan masyarakatnya sendiri kerana kecenderungan untuk membuat interpretasi awal terhadap sesuatu kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.2 Data Kajian

Data kajian ini diperoleh daripada beberapa sumber, iaitu data primer dan data sekunder. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan kaedah perpustakaan dan kaedah temu bual. Data-data yang dikumpulkan, sama ada daripada hasil rakaman di lapangan mahupun data temubual dan observasi diklasifikasikan ke dalam kelompok mengikut objektif kajian. Oleh itu, kajian terhadap kesinambungan dan perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal di negeri Johor yang berbentuk analisis ini dapat diolah dalam beberapa tahap iaitu, (1) Proses transkripsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


muzik terus dari rakaman audio di lapangan atau dari koleksi para informan, dan (2) Pengumpulan data-data yang sesuai dengan kajian kesinambungan dan perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal melalui analisis repertoir dan lirik lagu-lagu gambus, gaya permainan, tradisi persembahan, penggunaan maqam dan tangganada serta peralatan muzik.

### 1.9.2.1 Data Primer

Data primer yang ada adalah dari buku-buku lagu dan rakaman lagu-lagu dalam bentuk piring hitam dan rakaman dari rancangan radio serta rakaman persembahan audio secara langsung. Selain itu data yang diperoleh dari kaedah temu bual digunakan untuk menyokong dapatan dari analisis gaya muzik yang merangkumi jenis lagu, rentak, gaya permainan setiap alat muzik dan gaya persembahan kumpulan gambus Nurulhilal. Sumber-sumber primer ini didapati dari penggiat-penggiat seni muzik kumpulan gambus yang masih menyimpan data-data tersebut. Walaupun sebahagian besar dari peralatan muzik kumpulan gambus Nurulhilal telah rosak dan tidak boleh digunakan, namun data-data dalam bentuk gambar dapat membantu pengkaji membuat analisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 1.9.2.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang menyokong kepada data primer. Data sekunder diperoleh dari jurnal-jurnal, dokumen-dokumen, buku-buku, tesis-tesis dan keratan-keratan akhbar. Rujukan sekunder bagi kajian adalah dari kalangan etnomuzikologis terkenal melalui penerbitan seperti Alan P. Merriam (1964), Mohd Anis Md Nor (1993), John Blacking (1973, 1995), Mantle Hood (1971), (1982), Farmer (1973), Sachs (1949), Nettl (1956), (1964), (1983), Mohd Ghouse Nasuruddin (1992), Patricia Matusky & Tan Sooi Beng (1997), Tan Sooi Beng (1997) dan Jenkins & Olsen (1976). Selain itu, pengkaji turut menggunakan bahan-bahan bacaan lain seperti buku Wan Abdul Kadir (1988), Raja Zulkarnain (2013) dan (2017), Mohd Nizam Attan (2013), Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (1995) dan (2001), kertas kerja oleh Larry Francis Hilarian (2003), jurnal-jurnal, prosiding, majalah, keratan akhbar dan bahan-bahan yang berkaitan dengan bidang penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.3 Instrumen Menganalisis Data

Kajian ini menggunakan beberapa instrumen untuk menganalisis data seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.1 di bawah ini.

Jadual 1.1

*Kaedah Menganalisis Data*

| Bil. | Persoalan Kajian | Kaedah Memperolehi Data | Instrumen Menganalisis Data |
|---|---|---|---|
| 1. | Bagaimanakah sejarah perkembangan gambus dan kumpulan gambus di negeri Johor? | Analisis kandungan dokumen. | Deskriptif. |
| 2. | Bagaimanakah kesinambungan tradisi muzik dalam kumpulan gambus Nurulhilal? | Analisis lagu-lagu, rakaman audio kumpulan gambus Nurulhilal. Transkripsi menggunakan perisian Sibelius 7.0 dan memberi koding mengikut tema. | Deskriptif mengikut pendekatan *Norm of musical styles*. |
| 3. | Apakah perubahan yang berlaku dalam tradisi muzik dalam kumpulan gambus Nurulhilal di Johor dari tahun 1975 sehingga tahun 1999? | Analisis kandungan buku-buku lagu, rakaman audio, transkripsi muzik dan temu bual dengan penggiat kumpulan gambus Nurulhilal dan gambus Samrah Al Hana. | Deskriptif. |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**1.9.3.1 Analisis Kandungan Dokumen**

Analisis kandungan dokumen melibatkan dokumen-dokumen, jurnal-jurnal, buku-buku dan keratan-keratan akhbar yang menyokong kajian terhadap sejarah perkembangan gambus dan kumpulan gambus di negeri Johor.

**1.9.3.2 Analisis Gaya Muzik Kumpulan Gambus Nurulhilal**

Kajian terhadap pengekalan kesinambungan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal di negeri Johor yang merangkumi penelitian terhadap identiti repertoir, gaya permainan, maqam yang digunakan serta lirik lagu ciptaan yang dilakukan melalui penulisan dengan menggunakan transkripsi notasi barat. Mantle Hood (1982, ms. 116) memberi beberapa kaedah untuk merekodkan nilai pic yang tetap (standard) seperti notasi muzik barat yang berasaskan 12 semiton. Beliau turut menegaskan perlunya merekodkan pic yang berbeza dalam aras talaan, dan boleh dinyatakan secara *cycle per second* atau menggunakan nilai *cents*. Simbol-simbol tertentu yang menaik atau menurunkan nada sebanyak ton, semiton atau suku ton akan dinyatakan dalam terma muzik mengikut teori muzik Arab.

Perisian notasi muzik yang digunakan dalam kajian ini adalah Sibelius 7.0. Kegunaan perisian ini adalah menyalin kembali contoh-contoh lagu, rentak, maqam dan gaya permainan alat muzik dalam kumpulan gambus Nurulhilal. Penggunaan sistem notasi muzik bukanlah satu cara untuk menerangkan secara terperinci tentang gaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


muzik gambus, tetapi lebih kepada membantu pembaca memahami transkripsi muzik tersebut. Hal ini disebabkan sebahagian ornamentasi muzik gambus yang sukar ditulis dengan menggunakan sistem notasi muzik barat. Sementara itu, rajah-rajah penjarian, sistem talaan dan tangga nada pula, diharapkan dapat membantu pembaca untuk memahami cara sebenar gambus dimainkan. Walaupun, pada dasarnya cara terbaik adalah dengan belajar secara bersemuka. Nettl (1964, ms 18), menyatakan bahawa diskripsi rentak sebaiknya dimulakan dengan membuat penelitian tentang kaedah notasi yang digunapakai dalam sesebuah komposisi dan menerangkan fungsi dan konteks dari penelitian terhadap notasi-notasi tersebut. Kaedah transkripsi notasi muzik yang digunakan membantu dalam mengenal pasti bentuk tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal yang masih kekal ataupun berubah mengikut peredaran masa. Dalam menganalisis gaya muzik kumpulan gambus Nurulhilal ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan *The norms of Musical Style* seperti yang diterangkan dalam tajuk pada para (1.8.1.) Rakaman muzik gambus dan temu bual tentang cara bermain gambus telah diilustrasikan dalam bentuk rajah-rajah penjarian, selain dalam bentuk gambar. Contoh-contoh muzik, maqam, rentak dan tangganada akan dilampirkan dalam salinan CD sebagai rujukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3.3 Temu Bual

Dalam sesebuah kajian, kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan kefahaman yang jelas tentang situasi sebenar. Pengkaji perlu mendapatkan data secara bersemuka dengan penggiat budaya di lapangan. Hasil dari tinjauan dan kerja di lapangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kemudiannya dianalisis dan didokumentasikan. Berg (2004, ms. 75) mengatakan bahawa kaedah temu bual boleh ditakrifkan sebagai perbualan yang membawa maksud untuk mendapatkan informasi. Pengkaji sedar bahawa cara terbaik untuk menghayati muzik gambus adalah dengan menemu bual tokoh penggiat, mendengar dan melihat persembahan secara langsung di lapangan serta rakaman muzik gambus menerusi teknologi media elektronik seperti dalam bentuk video dan sebagainya. Oleh yang demikian, pengkaji telah menyiapkan soalan-soalan sebelum temu bual dijalankan bagi mengelak tersasar dari kehendak kajian seperti disarankan oleh Burns (1994, ms. 360-362) yang mengatakan bahawa kaedah temu bual akan lebih teratur, flesibiliti, dan berhasil kerana dapat memberi maklumat balas, jawapan dan pendapat secara spontan dan tepat. Dalam kajian ini, temu bual telah dijalankan kepada beberapa informan yang telah dikenal pasti lebih awal seperti dalam senarai di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

#### 1.9.3.3.1 Hamid Ruslan

Hamid Ruslan, berasal dari Kampung Parit Seri Baharom, Rengit, Batu Pahat, Johor. Hamid pada asalnya merupakan penyanyi bagi kumpulan gambus Nurulail pada sekitar tahun 1972 sebelum kumpulan gambus Nurulail dipimpin oleh Attan Hassan. Pada 1975, kumpulan Nurulail dinamakan semula sebagai kumpulan gambus Nurulhilal kerana sebahagian besar anggota asal kumpulan gambus Nurulail tidak lagi aktif. Namun, Hamid terus bersama kumpulan gambus Nurulhilal sebagai penyanyi dan pemain tamborin sehingga kumpulan gambus Nurulhilal tidak lagi aktif pada tahun 1999.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**1.9.3.3.2 Farizad Attan**

Farizad Attan dilahirkan di Ayer Baloi, Pontian, Johor pada 14 Mei 1964, merupakan anak lelaki kedua Attan Hassan, pengasas kumpulan gambus Nurulhilal. Farizad Attan berkebolehan bermain beberapa alat muzik kumpulan gambus di antaranya seperti akordion, kiuben, gambus, marwas dan tamborin. Farizad menyertai kumpulan gambus Nurulhilal pada sekitar tahun 1977 bila kumpulan gambus Nurulhilal kekurangan pemain marwas dalam persembahan mereka. Farizad Attan menjadi pemain kiuben dan tamborin berganti-ganti dengan seorang lagi pemuzik dalam kumpulan gambus Nurulhilal iaitu Timat Kasban. Farizad Attan terus bersama kumpulan gambus Nurulhilal sehingga kumpulan gambus Nurulhilal tidak lagi aktif pada tahun 1999.

**1.9.3.3.3 Bachok Sayuti**

Penerangan mengenai Bachok Sayuti boleh didapati dalam bab ketiga (3.2.3), di bawah tajuk penggiat muzik kumpulan gambus dan fungsi gambus di Johor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**1.9.3.3.4 Anipah Hasbullah**

Penerangan mengenai Anipah Hasbullah boleh didapati dalam bab ketiga (3.2.2), di bawah tajuk penggiat muzik kumpulan gambus dan fungsi gambus di Johor.

**1.9.3.3.5 Mohd Diah bin Ariffin @ Aripin**

Penerangan mengenai Mohd Diah bin Ariffin @ Aripin boleh didapati dalam bab keempat (4.3.2), di bawah tajuk pembuatan gambus di Johor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**1.9.3.3.6 S. Agil**

S.Agil atau nama sebenarnya Syed Abdul Kadir Bin Agil, merupakan bekas penyanyi pop enam puluhan, merupakan penyanyi bagi kumpulan gambus Samrah Al Hana. Pada tahun 1980, S. Agil telah dijemput untuk menyanyi bersama-sama kumpulan gambus Nurulhilal terutamanya dalam persembahan di majlis-majlis perkahwinan masyarakat Arab di Johor dan terus menyanyi bersama kumpulan gambus Nurulhilal sehingga tahun 1999.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


#### 1.9.3.3.7 Aziz Abd. Halim

Berasal dari Kampung Seri Merlong, Rengit, Batu Pahat, Johor. Menyertai kumpulan gambus Nurulhilal pada tahun 1980 sebagai pemain kiuben. Beliau juga seorang pemain *double bas* dalam kumpulan keroncong di Rengit. Selain bermain kiuben, Aziz juga bermain bes elektrik pada persembahan tertentu bersama kumpulan gambus Nurulhilal.

## 1.10 Lokasi dan Skop Kajian

Lokasi kajian yang dilakukan di daerah Batu Pahat, Pontian dan Johor Bahru. Namun begitu, tumpuan utama lokasi kajian adalah di Kampung Sungai Dulang di daerah kecil Rengit, iaitu tempat di mana kumpulan gambus Nurulhilal ditubuhkan pada tahun 1975. Kajian ini juga turut dilakukan di beberapa tempat lain seperti Kampung Parit Hailam di daerah kecil Senggarang, Batu Pahat dan juga di daerah Johor Bahru. Justifikasinya, dalam pemilihan tempat kajian dilakukan kerana terdapatnya beberapa penggiat dalam bidang kesenian gambus sama ada dari segi permainan dan pembuatan. Kajian juga telah dijalankan di Parit Kerimun, Benut, Pontian, Johor di mana, terdapat seorang penggiat gambus yang juga merupakan anak didik pertama kepada Ustaz Attan Hassan. Skop kajian adalah terhadap perkembangan kumpulan gambus di negeri Johor yang memberi tumpuan terhadap kesinambungan dan perubahan tradisi muzik kumpulan gambus Nurulhilal dari tahun 1975 hingga tahun 1999.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Peta 1.1.* Peta negeri Johor dan lokasi kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.11 Kesimpulan

Bab pertama penulisan ini adalah pendahuluan yang menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, landasan teori, metodologi kajian, analisis data, lokasi dan skop kajian. Kajian ini sangat-sangat diperlukan untuk dijadikan model garis panduan identiti kumpulan gambus yang tidak lagi berada dalam lingkungan kawasan kajian dan di negara ini. Bab seterusnya akan membincangkan tentang sorotan literatur berkaitan sejarah gambus, kumpulan gambus dan pengaruh yang membawa kesenian gambus ke kawasan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi